

11/12/1998

Langkawi mahu GP 99

SELEPAS melihat sendiri kejayaan GP Joran di Langkawi minggu lalu, Kerajaan Kedah mencadangkan supaya pulau legenda itu dipilih sekali lagi sebagai satu daripada lokasi siri GP Joran 1999.

Malah pihak kerajaan negeri sudahpun menetapkan tarikhnya pada 28 dan 29 Ogos tahun depan, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Rekreasi dan Sukan negeri, Abdul Rahman Ariffin.

Beliau menegaskan, cadangan berkenaan selaras dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pelbagai pihak menganjurkan kegiatan positif kepada rakyat dan negara.

Menurutnya, pelepasan peserta GP Joran oleh Perdana Menteri membuktikan beliau mengiktiraf pertandingan anjuran Berita Harian itu sekali gus memberi semangat baru kepada kegiatan memancing.

"Hanya dengan menawarkan hadiah lumayan, ia tidak cukup untuk memikat pengunjung untuk datang ke Langkawi dan menyertai sebarang program yang diatur."

"Sebaliknya, selain terpaksa berbelanja besar, program yang disusun dengan baik dan dengan pengurusan yang cekap sahaja dapat menjayakan matlamat itu," katanya ketika merasmikan acara penutup GP Joran di Awana Porto Malai.

Hadir sama, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib; Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Pembangunan Koperasi, Hassan Bulat; ahli Parlimen Sipitang yang juga Pengerusi Eksekutif UFL, Datuk Dr Yusof Yaakub dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Ahmad Rejal Arbee.

Abdul Rahman gembira dengan usaha Unit Joran kerana dapat menarik ramai pemancing dari luar Kedah untuk mengenali Langkawi.

Terdahulu, Ahmad Rejal dalam ucapannya berkata, sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Unit Joran akan meneruskan pertandingan GP Joran pada masa depan di samping memperkenalkan lokasi memancing menarik di seluruh negara.

"Pertandingan kali ini mencatat sejarah apabila Perdana Menteri sudi menyempurnakan upacara pelepasan peserta bagi kategori laut dalam."

"Ini adalah satu penghormatan kepada Unit Joran dan memberi semangat baru untuk meneruskan kegiatan memancing pada masa depan," katanya.

(END)